



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Institut
Penyelidikan
Pembangunan
Belia
Malaysia

BULETIN Fakta

Edisi 1/2014 • ISSN 2180-4044 • www.ippbm.gov.my

SEJAUH MANAKAH BEBANAN HIDUP BELIA? Oleh Mastura Mohamad & Zakariah Md Sam

Kos sara hidup belia merupakan antara isu penting yang dibincangkan oleh pelbagai pihak khasnya golongan belia bersama rakan-rakan seusia. Tidak kira mereka yang bermastautin di bandar mahupun luar bandar, rata-rata menyatakan bahawa kenaikan kos sara hidup berlaku disebabkan oleh kenaikan pelbagai harga barang khususnya barang-barang keperluan. Kenaikan harga yang jauh berbeza dari tahun 2012 dirasai apabila sebahagian besar daripada pendapatan bulanan mereka dibelanjakan untuk tujuan pembelian barang-barang keperluan dan keadaan ini dikatakan semakin membebaskan. Luahan ini merupakan antara sebahagian dapatan yang diterima oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) sewaktu melaksanakan kajian ini di seluruh negara bermula November 2013 hingga April 2014.

Berdasarkan kepada kenyataan yang diberikan, khususnya bagi mengetahui sejauh mana bebanan yang dihadapi oleh golongan belia, maka para belia telah diminta untuk menyenaraikan perbelanjaan bulanan mereka terhadap item-item yang diperlukan berdasarkan keutamaan sama ada perbelanjaan tersebut MESTI dibuat atau boleh ditangguhkan atau dielakkan.

Daripada analisa yang dijalankan didapati majoriti belia tidak kira sama ada bujang ataupun yang telah berumah tangga, mereka menghabiskan 80% daripada pendapatan untuk tujuan pembelian barang-barang keperluan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan item pembelian yang diberi keutamaan dalam kalangan mereka yang telah berkahwin dengan yang masih bujang berdasarkan kategori pendapatan dan kategori usia. Bagi tujuan penulisan artikel ini, contoh yang diambil ialah bagi belia yang berumur 26 hingga 30 tahun dan mempunyai pendapatan isi rumah antara RM1,501 hingga RM4,000 sebulan. Kedua-dua kategori ini akan dibandingkan dengan status perkahwinan mereka.

Dapatan kajian mendapati bahawa kumpulan belia tersebut yang sudah berkahwin telah

membelanjakan 80% daripada pendapatan mereka terhadap 12 item seperti pecahan dalam Rajah yang dipaparkan. Daripada 12 item tersebut, pembayaran ansuran bulanan kenderaan merupakan item perbelanjaan tertinggi yang melibatkan 14% daripada jumlah pendapatan bulanan. Manakala bagi mereka yang bujang, 80% daripada perbelanjaan mereka dibelanjakan terhadap 12 item yang sedikit berbeza iaitu seperti di Rajah. Bagi golongan ini pula didapati bahawa bayaran balik pinjaman peribadi merupakan perbelanjaan terbesar iaitu 27% daripada jumlah pendapatan.

Laporan Trend Perbelanjaan Isi Rumah pada tahun 1993/94-2009/2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2011), perbelanjaan bulanan purata isi rumah diakui meningkat sebanyak 12.2% pada tahun 2009/2010 berbanding yang dicatatkan pada

tahun 2004/2005. Antara penyumbang tertinggi kepada keseluruhan perbelanjaan isi rumah ini ialah perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api.

Berdasarkan kepada pola perbelanjaan dan bebanan kos sara hidup yang dibuat pada setiap bulan, didapati bahawa generasi belia dari kedua-dua kategori usia sangat kurang atau hampir tiada memberikan keutamaan kepada kegiatan menabung atau pelaburan. Daripada analisis yang telah dijalankan ke atas 1,825 responden, sejumlah 46.18% daripada jumlah tersebut didapati berbelanja melebihi pendapatan mereka. Fenomena ini sangat membimbangkan dan ianya selari dengan skor Indeks Belia Malaysia 2011, yang mana bacaan skor bagi Domain Kesejahteraan Ekonomi berada pada skor 48.6 mata di bawah paras baik.

KE MANA PERGINYA 80% PENDAPATAN BELIA?





'ASPIRASI EKONOMIKU'

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang dikenali sebagai IPPBM, kini menampilkan imej baru dari segi nama popularnya sebagai IYRES (*Institute of Youth Research*). Nama popular tersebut telah diumumkan oleh YB. Tuan Khairy Jamaluddin pada 6 Februari 2014 yang lalu di majlis Perhimpunan Bulanan KBS. Nama yang lebih ringkas, segar serta menepati dengan logo IYRES ini menggambarkan imej intelektual. Malah, variasi warna dalam logo IYRES melambangkan kepelbagaian karakter, gaya fikir, warna warni kehidupan dan hala tuju belia pada masa kini.

'Aspirasi Ekonomiku' merupakan tema Buletin Fakta IYRES kali ini yang akan menyampaikan isu berkaitan hasrat dan aspirasi belia terhadap suasana dan perkembangan ekonomi negara yang turut memberi kesan terhadap gaya dan tingkahlaku belia pada masa kini. Dalam fenomena ini, pelbagai usaha kerajaan telah dilaksanakan termasuk usaha akan mengadakan Makmal Kos Sara Hidup. Makmal tersebut bertujuan mengkaji kos sara hidup kini yang semakin meningkat walaupun untuk kos yang melibatkan keperluan fisiologi seperti mana yang diuraikan dalam Teori Hierarki Maslow. IYRES juga mengambil langkah memberi peluang belia bersuara berkenaan aspirasi ekonomi mereka menerusi pelbagai program intelektual yang dianjurkan yang berkaitan dengan isu. Justeru, suara belia berkenaan isu yang memberi impak psikologi, ekonomi dan sosial ini dapat didengari di peringkat tertinggi.

Namun, dalam mengharungi cabaran pengurusan ekonomi pada masa kini, belia seharusnya bijak merancang perbelanjaan dan membuat pemilihan alternatif dalam usaha berjimat cermat. Tindakan ini membolehkan mereka memiliki aset yang lebih bernilai untuk jangka masa yang panjang.

Sekian.

drwasitah@ippbm.gov.my

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YB. Encik Khairy Jamaluddin
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

PENASIHAT

Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif IPPBM

KETUA PENGARANG

Hj. Zakariah Md. Sam

KETUA EDITOR

Nadya Shaffinaz Bajuri

SIDANG PENGARANG

Shahhanim Yahya
Mastura Mohamad
Shariffah Mamat
Noor Afifah Johari
Nuurul Mizaan Ya'cob
Mohd Rizal Mohd Sham
Mohd Saiful Nizam Mohd Zahri
Shah Romnizam Ramli
Raja Shahida Raja Hassan

PUBLISITI

Noor Sheila Mhd Nasir
Ariffin Abdul Rahman


Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada

info@ippbm.gov.my

Oleh: Shariffah Mamat

KEPERLUAN VS KEHENDAK BELIA

Hasil kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES), 2013 berkenaan 'Rasionalisasi Subsidi Kerajaan' ke atas 1,606 orang responden menunjukkan 87.2 peratus (1,400 orang) mengakui bahawa kedudukan kewangan mereka berada pada keadaan tidak mencukupi berbanding 12.8 peratus (206 orang) berada pada kedudukan kewangan mencukupi.




Kesan kedudukan kewangan yang tidak mencukupi ini dikukuhkan lagi dengan dapatan kajian yang secara keseluruhannya berlaku kawalan terhadap corak perbelanjaan iaitu dengan mengurangkan perbelanjaan terhadap barang-barang keperluan kecuali daripada aspek penjagaan kesihatan dan pendidikan yang didapati berbelanja seperti biasa rentetan pengurangan bahan bakar bersubsidi kerajaan.


Jika dibandingkan dalam pelbagai aspek kehidupan, kajian mendapati bahawa aspek penjagaan kesihatan dan pendidikan dilihat sebagai pelaburan aset yang tidak boleh dikompromikan dalam usaha belia Malaysia menyesuaikan diri dalam menghadapi kesan pengurangan subsidi kerajaan yang membawa implikasi kenaikan harga barangan. Didapati bahawa responden masih kekal berbelanja seperti biasa apabila mencatat 53.3 peratus (856 orang) bertindak berbelanja seperti biasa terhadap pendidikan. Manakala 51.4 peratus (825 orang) bagi penjagaan kesihatan. Pemilihan keutamaan yang bijak ini dalam kehidupan gambaran bahawa rakyat di Malaysia terutamanya generasi belia kini semakin matang dalam membuat keutamaan dalam corak perbelanjaan.

Sehubungan itu, terdapat pelbagai pengubahsuaian dari segi corak perbelanjaan golongan belia sebagai implikasi pelbagai hasrat hati yang pelbagai sehingga wujudkan kos lepas bagi menunaikan semua kehendak dan keperluan dalam satu masa yang sama sebagaimana ditunjukkan dalam rajah 2.

Ternyata bahawa kehendak dan keperluan yang pelbagai ini dilihat sebagai matlamat yang ingin dicapai berdasarkan kepada keutamaan dan kemahiran dalam menentukan pelbagai pilihan yang ada dalam kemampuan yang terbatas.



Rajah 1: Penyesuaian belia terhadap kesan pengurangan subsidi kerajaan



Rajah 2: Tindakan belia mengurangkan perbelanjaan

BELIA DAN BEBANAN KOS SARA HIDUP

Mutakhir ini, isu berkaitan dengan kos sara hidup semakin hangat diperkatakan dan diperdebatkan. Namun, masyarakat secara umumnya, tidak mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan kos sara hidup, bagaimana kos sara hidup ini ditentukan dan apakah kesan daripada peningkatan kos sara hidup kepada masyarakat pengguna di Malaysia. Daripada segi takrifan, kos sara hidup merupakan sejumlah kos yang perlu ditanggung oleh seseorang individu ataupun sesebuah keluarga untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal serta keperluan lain untuk kelangsungan (survival) dan keselesaan hidup. Taraf hidup seseorang dikatakan merosot atau berkurangan sekiranya pendapatan yang diterima berada pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan kos sara hidup dan sebaliknya.




Sehubungan itu, satu kajian telah dijalankan dalam kalangan pekerja muda (belia di bawah umur 40 tahun) untuk menentukan status kewangan semasa mereka. Kajian ini melibatkan seramai 508 pekerja muda daripada sektor awam dan swasta dan pemilihan responden kajian dilakukan menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis di zon tengah yang melibatkan empat buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Putrajaya, Selangor dan Perak. Daripada segi latar belakang responden kajian, majoriti berada dalam lingkungan umur antara 26-30 dengan purata umur yang dicatatkan adalah 31.2 tahun. Majoriti responden terdiri daripada etnik Melayu dan kebanyakan mempunyai pendidikan di peringkat tertiar. Lebih daripada dua pertiga responden sudah berkahwin manakala sebanyak 31.5% responden berstatus bujang. Lebih daripada satu perdua responden (54.7%) mempunyai pendapatan bulanan antara RM1,500 hingga RM3,500 dengan purata pendapatan bulanan yang dinyatakan adalah sebanyak RM2,664.95. Manakala sebanyak 26.7% mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM1,500.

Dr. Mohamad Fazli Sabri


Ketua

Jabatan Pengurusan Sumber & Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Status Pemilikan Rumah




Peratus Simpanan Bulanan (Tidak termasuk KWSP)



Nisbah Harta - Hutang



Kecukupan Pendapatan




Persediaan Kewangan Masa Tua



Bebanan Hutang



Bayaran Pinjaman Bulanan (termasuk pinjaman perumahan/tanah)



Bayaran Pinjaman Bulanan (tidak termasuk pinjaman perumahan/tanah)



PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST): APA PANDANGAN BELIA?

Oleh Saiful Nizam Mohd Zahri

KUALA LUMPUR, 21 DISEMBER 2013 - Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah menganjurkan Persidangan Meja Bulat Belia Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST): Apa Pandangan Belia? bertempat di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras. Pelaksanaan persidangan ini bagi menyediakan platform bagi memberi penerangan yang jelas dan berkesan kepada generasi muda tentang pelaksanaan GST di Malaysia. Melalui persidangan ini, IYRES dapat membuka peluang kepada para peserta terutamanya golongan muda untuk menyuarakan pandangan mengenai GST. Hasil dari persidangan ini akan dijadikan resolusi suara belia mengenai pelaksanaan GST di Malaysia dan akan dibawa ke peringkat lebih tinggi untuk perhatian pihak kerajaan.

Seramai 100 orang peserta telah hadir semasa persidangan tersebut. Empat kertas kerja telah dibentangkan kepada peserta bagi memberikan kefahaman berkaitan pelaksanaan GST di Malaysia. Antaranya, dari Kementerian Kewangan (Dasar Percukaian Negara), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Apa Itu Cukai Barang & Perkhidmatan), Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (Kesan Cukai Barang & Perkhidmatan Kepada Ekonomi Malaysia) dan Junior Chamber International Malaysia (GST: Perspektif Usahawan Muda).

Persidangan ini telah disempurnakan perasmian penutupnya oleh Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah IYRES, YBrs. Tuan Hj. Adnan Abu Hassan. Beliau dalam ucapannya menyokong pelaksanaan sistem cukai ini kerana GST merupakan langkah ke hadapan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Menurut beliau lagi, GST akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada, maka pelaksanaan GST dijangka tidak akan menyebabkan berlakunya kenaikan harga barangan dan perkhidmatan, melainkan jika kadar cukai yang dikenakan adalah lebih tinggi daripada kadar cukai jualan dan perkhidmatan yang dikenakan pada masa ini.

Sembilan rumusan hasil daripada 'Persidangan Meja Bulat Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST): Apa Pandangan Belia?' telah dipersetujui oleh peserta yang hadir iaitu:

- i. Belia berpandangan bahawa pihak kerajaan perlu memberi penerangan secara menyeluruh agar dapat meningkatkan tahap kefahaman terhadap pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di peringkat akar umbi.
- ii. Mengadakan sesi dialog yang efektif antara pemimpin dengan rakyat bagi membolehkan setiap persoalan dapat dirungkai berkenaan Pelaksanaan GST.
- iii. Belia menyarankan agar pihak kerajaan dapat memberi jaminan bahawa GST tidak akan membebankan rakyat dengan kenaikan harga barang yang membawa kepada kos sara hidup yang tinggi.
- iv. Belia mencadangkan semua pihak yang berkenaan dengan pelaksanaan GST dapat memainkan peranan menyebarkan maklumat yang jelas dan tepat mengenai keperluan dan peranan sebenar GST kepada masyarakat dan negara.
- v. Belia berpandangan agar pihak kerajaan perlu menjelaskan kepada rakyat khususnya golongan belia antara inisiatif serta 'tangible outcome' yang diperolehi daripada pelaksanaan GST pada 1 April 2015.
- vi. Belia mencadangkan agar pihak kerajaan membuat jalinan hubungan dengan agensi-agensi seperti pihak Kastam, KPDNKK serta lain-lain agensi untuk diberi latihan dalam membantu memberi penerangan pelaksanaan GST kepada rakyat.
- vii. Belia berpendapat bahawa, pihak kerajaan perlu lebih telus dalam memberi penjelasan terhadap penggunaan hasil cukai GST agar rakyat memahami ke mana hasil cukai disalurkan dan bagaimana ia dibelanjakan.
- viii. Belia mencadangkan agar hasil input yang diperolehi daripada persidangan ini dibincangkan ke dalam Makmal Kos Sara hidup yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan.
- ix. Mencadangkan agar subjek percukaian diselaraskan dan dimasukkan di dalam kurikulum pendidikan sekolah menengah.

FACT SHEET: MEASURES TO TACKLE RISING COST OF LIVING

Edited by: *Shah Romnizam Ramli*

Cost of living continues to be a very important issue because it involves the lives of Malaysians live. The Government is aware of any complaints of the people. So many initiatives have been taken under the auspices of the Government Transformation Programme and Economic Transformation in addressing the rising cost of living, due to the global economic uncertainties. The initiative was welcomed by the people is:

- 1** 99 units Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) established throughout the country and more will be opened.
- 2** 238 Klinik 1 Malaysia have been built in different parts of the country, where 22 of the clinics are equipped with the services of doctors and more clinics will open in high-density areas.
- 3** Reduction of broadband service fee of up to 20 %, in line with what was promised in the manifesto GE -13.
- 4** 1 Malaysia Care Centre has been provided to ease the burden of parents working in offices and public offices GLC. The private sector is also encouraged to open these centers.
- 5** Reduction in car prices by 20 % to 30 % in stages. Government targets of household debt reduction through a gradual fall in car prices and planned.

Source:
GTP Roadmap 2.0





APLIKASI PEMETAAN BELIA MALAYSIA – SKOR KESEJAHTERAAN EKONOMI

Oleh *Noor Afifah Johari*

Aplikasi Pemetaan Belia Malaysia adalah platform yang diwujudkan berdasarkan Indeks Belia Malaysia yang dihasilkan daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh IYRES serta data-data yang diperolehi daripada agensi-agensi Kerajaan/NGO. Ia juga merupakan satu kaedah yang dibentuk bertujuan melaporkan data-data mengenai belia dalam bentuk landskap peta seiring dengan kemajuan Teknologi Maklumat pada masa kini.

Kesejahteraan Ekonomi atau jaminan kewangan ialah keadaan, di mana seseorang itu mempunyai perancangan kewangan yang teliti iaitu simpanan atau pelaburan yang membolehkan beliau melalui umur persaraan tanpa perasaan risau untuk memenuhi keperluan perbelanjaan. Skor ini telah diplotkan dalam bentuk peta interaktif yang terkandung dalam Domain Kesejahteraan Ekonomi. Untuk maklumat lanjut berkenaan skor tersebut, pembaca boleh melayari aplikasi ini di:

<http://petabelia.kbs.gov.my>



Sudahkah anda mendaftar di Profil Belia Negara? Sila layari <http://interaktif.kbs.gov.my/E-BELIA/>

✓ Bagi anda yang sudah mendaftar, jangan lupa mengemaskinikan profil anda. Anda akan mendapat pelbagai info aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dari semasa ke semasa.

11 LANGKAH PENJIMATAN KERAJAAN: IMPLIKASI TERHADAP GOLONGAN BELIA

Langkah penjimatan yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan merupakan satu inisiatif strategik dalam usaha mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam menguruskan negara. Langkah ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk berbelanja secara

berhemat bagi tahun 2014, manakala langkah penjimatan lain bakal menyusul dan diperkenalkan secara berperingkat berdasarkan keperluan serta keadaan semasa. 11 Langkah Penjimatan Kerajaan adalah seperti berikut:

 <p>1</p> <p>Pengurangan 10 peratus elaun kerajaan menteri dan timbalan menteri serta lima hingga 10 peratus bagi pegawai kanan kerajaan Gred Jawatan Utama Sektor Awam C (JUSA C) ke atas.</p>	 <p>2</p> <p>Pengurangan lima peratus kos utiliti elektrik di semua Kementerian, jabatan, agensi dan premis kerajaan.</p>	 <p>3</p> <p>Pengurangan RM50 hingga RM100 atau 30 peratus kemudahan bayaran tol bagi pegawai kanan kerajaan (Gred JUSA C ke atas).</p>	 <p>4</p> <p>Pembekuan pemohonan baru bagi pengubahsuaian ruang pejabat Kementerian, jabatan, agensi dan premis kerajaan.</p>
 <p>5</p> <p>Mengetatkan pelantikan juru perunding untuk projek fizikal kerajaan termasuk menjalankan kajian kesesuaian, manakala cadangan pelantikan perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara yang dipengerusikan KSN untuk kelulusan.</p>	 <p>6</p> <p>Pengurangan penggunaan syarikat pengurusan acara dan pemberian cenderamata untuk penganjuran persidangan atau majlis kerajaan membabitkan anggota pentadbiran serta penjawat awam.</p>	 <p>7</p> <p>Pindaan kelayakan tiket penerbangan domestik dan antarabangsa. Ia termasuk penggunaan kelas ekonomi sektor domestik bagi penjawat awam Gred JUSA C ke bawah.</p>	
 <p>8</p> <p>Mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan, seminar, mesyuarat, kursus, bengkel atau sebarang acara rasmi kerajaan.</p>	 <p>9</p> <p>Pengurangan penggunaan kain permaidang bagi penganjuran persidangan, seminar, mesyuarat, kursus, bengkel atau acara rasmi kerajaan.</p>	 <p>10</p> <p>Mengoptimimum penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis.</p>	 <p>11</p> <p>Mengguna pakai pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan mengoptimimumkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) dan kemudahan di institusi latihan milik kerajaan bagi penganjuran kursus, seminar serta bengkel.</p>

Langkah penjimatan yang dilaksanakan adalah diharapkan dapat disalurkan kepada agenda pembangunan belia. Tambahan pula kesan kenaikan kos sara hidup lebih memberi implikasi kepada golongan belia memandangkan usia belia merupakan fasa pembentukan kehidupan yang paling mencabar. Usia belia merupakan tumpuan pembinaan kerjaya dan awal pembentukan keluarga dalam keadaan sumber kewangan sangat terhad. Belia didefinisikan sebagai warganegara Malaysia yang berumur dari 15 tahun hingga 40 tahun (Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007, Akta 668).

utama belia adalah pekerjaan, rumah, kewangan, pendidikan dan pengangkutan/ kenderaan. Kelima-lima hasrat yang dinyatakan merupakan cabaran utama belia dan merupakan keperluan dalam meneruskan kehidupan. Pihak kerajaan, golongan belia dan pihak yang dipertanggungjawabkan dalam pembangunan belia seharusnya mengambil peranan dan memikul tanggungjawab dalam usaha memastikan golongan belia khususnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya mencapai kesejahteraan hidup. Manfaat-manfaat hasil daripada langkah penjimatan kerajaan seharusnya dinikmati secara menyeluruh dalam kalangan warganegara Malaysia.

Hasil 'Kajian Hasrat Hati Belia' yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 membuktikan bahawa lima (5) hasrat yang menjadi pilihan

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBBM) akan menerbitkan **Malaysian Journal of Youth Studies Volume 11 2014**.

Ahli Akademik dan Penyelidik Sains Sosial dialu-alukan untuk menyumbangkan artikel mereka mengkhusus dalam bidang pembangunan belia. Panduan kepada Penyumbang boleh dirujuk di portal ippbm.gov.my.

Maklumat tambahan:

1. Abstrak dwibahasa (BM dan BI)
2. Kata kunci dwibahasa (BM dan BI)
3. Profil penyumbang artikel
4. Alamat emel setiap penyumbang artikel.

Sebarang pertanyaan boleh diutarakan kepada Shariffah Mamat di talian 03-8871 3790 atau menerusi emel malaysianyouth@ippbm.gov.my